

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SU KEONG SIONG
(IPOH TIMUR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 23.03.2017

Y.B. TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMUR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik paras hutang isi rumah "household debts" untuk tahun 2013 hingga 2016. Apakah rancangan Kerajaan untuk membendung kenaikan hutang isi rumah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman YB, jumlah hutang isi rumah di Malaysia adalah merangkumi 88.4% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada akhir Disember 2016 (2015: 89.1%). Lebih separuh daripada jumlah tersebut adalah pembelian hartanah dan pembelian

kenderaan. Pinjaman peribadi merangkumi 15% daripada jumlah hutang isi rumah manakala hutang kad kredit merangkumi hanya 3.5% jumlah hutang isi rumah.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Pihak Kerajaan dan Bank Negara Malaysia (BNM) telah melaksanakan beberapa langkah secara berperingkat sejak tahun 2010 bagi memastikan sektor isi rumah kekal mampan dan berdaya tahan. Di antara langkah-langkah tersebut adalah:

- a. Menyusun semula struktur Cukai Untung Harta Tanah (Real Property Gains Tax, RPGT) bagi individu untuk membendung aktiviti spekulatif

Harta kediaman yang dijual dalam tempoh	Kadar RPGT
0 sehingga 3 tahun	30%
> 3 ke 4 tahun	20%
> 4 tahun ke 5 tahun	15%

- b. Meningkatkan bekalan perumahan mampu milik melalui pelbagai inisiatif kerajaan seperti PR1MA, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Jabatan Perumahan Negara (JPN).

c. Nisbah loan-to-value (LTV) maksimum sebanyak 70% untuk pinjaman perumahan yang ketiga dan ke atas untuk individu, dan LTV sebanyak 60% bagi bukan individu (bagi pinjaman perumahan pertama dan ke atas).

d. Wajaran risiko yang lebih tinggi untuk pinjaman peribadi >5 tahun, pinjaman perumahan dengan LTV>90%, untuk meningkatkan daya tahan bank terhadap portfolio berisiko.

e. Bantuan kewangan (BR1M) yang lebih tinggi kepada lebih banyak isi rumah.

3. Langkah-langkah tersebut bertujuan untuk membendung aktiviti spekulatif dalam pasaran rumah kediaman dan harta tanah yang seterusnya mengurangkan tahap keberhutangan akibat kenaikan harga rumah yang melampau. Selain itu, amalan kredit yang bertanggungjawab oleh individu dan institusi kewangan dapat dipupuk serta bagi mengelak isi rumah daripada berhutang secara berlebihan. Sejak pelaksanaan langkah-langkah tersebut, kadar pertumbuhan hutang isi rumah menurun kepada 5.4% pada akhir Disember 2016 (2015: +7.3%, 2010: +14.2%).

4. Di samping itu, usaha untuk mempertingkatkan kesedaran dan kemahiran pengurusan kewangan di kalangan masyarakat juga telah dilaksanakan. Ini termasuk:

- Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan kewangan dalam kalangan pengguna kewangan di Malaysia, terutamanya golongan belia dan mereka yang baru bekerja. Sejak pelancarannya pada tahun 2010 sehingga Disember 2016, lebih daripada 204,000 pengguna telah menghadiri program POWER!; dan
-
- Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) turut membantu individu yang menghadapi masalah menguruskan kewangan dan hutang mereka dengan memberi nasihat dan khidmat menyusun semula hutang. Setakat Disember 2016, seramai 160,000 peminjam telah menyertai Program Pengurusan Hutang yang dikendalikan oleh AKPK.